

DATE: 2/ 1/2010

Tan Sri Mohamed Rahmat (1938-2010)

Jasa Tok Mat dalam Umno sentiasa dikenang

Tokoh politik berjiwa rakyat tidak pernah kenal erti penat lelah menaikkan imej parti

Belasungkawa

Oleh Jamhariah Jaafar
jamhariah@bbanansom.my

PERKARA paling menarik mengenai anak Jawa campuran darah Cina ini ialah cara dia bercakap dan suaranya, keluar bersatu-satu kedengaran seperti suatu irama.

Bagi wartawan yang pernah membuat liputan ketika beliau menjadi Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno, kedengaran saja 'slang' suaranya tanpa perlu melihat wajah, sudah tahu itu adalah Tok Mat atau nama rasminya Tan Sri Mohamed Rahmat.

Selama lima tahun bertugas di Johor Bahru, Tok Mat adalah sumber berita yang amat dinantikan setiap hujung minggu, ada saja maklumat yang diperlukan daripadanya sama ada sebagai Menteri Penerangan, apa lagi sebagai Setiausaha-Agung Umno.

Sepanjang pembabitan dalam penulisan politik, Tok Mat adalah Setiausaha Agung Umno terbaik kerana tidak pernah menolak sebarang panggilan atau soalan, malah sering duduk bersama wartawan berbicara mengenai politik tanah air.

Tugasnya sebagai Menteri Penerangan, menyaksikan RTM yang ketika itu masih belum ada saingan, menjadi saluran komunikasi utama negara dan Tok Mat bekerja keras untuk memperbaiki perkhidmatan serta mutu penyiaran sehingga menjadi begitu dinamik.

Tok Mat, seorang ahli politik sejati. Dengan wajah yang sentiasa tersenyum dan sukar marah ini, membuatkan semua yang mengenalinya amat senang bersembang. Sikapnya yang ramah dan murah hati, membuatkan rumahnya sentiasa dipenuhi rakyat setiap kali dia pulang ke kawasan.

Menyertai Umno pada usia 25 tahun, sikap suka membantunya membuatkan dia begitu popular dan dipilih menjadi Ahli Parlimen Johor Baru Barat pada pilihan raya umum 1969, sebelum kawasan terbabit diberi nama baru Pulau pada 1974.

Popularitinya sebagai Yang Berhormat tidak perlu dipertikaikan, kepimpinan selama 30 tahun di Pulau adalah satu rekod terbaik bagi mana-mana ahli politik.

Lebih mengagumkan, pengundi Parlimen Pulau tidak teragak-agak untuk memilih anaknya, Datuk Nur Jazlan, sebagai pewaris kerusi Parlimen Pulau, kerana tahu dia akan meneruskan kerja cemerlang bapanya di daerah terbabit. Namun, Tok Mat tetap melalui suka duka dunia politik.

Dalam persaingan jawatan Ke-



PENGORBANAN dan jasa Mohamed Rahmat dalam parti serta bidang penyiaran negara akan sentiasa diingati oleh rakyat.

Tan Sri Mohamed Rahmat

- Lahir: 4 Januari 1938
- Asal: Johor Bahru, Johor
- Akademik: Cambridge School Certificate, Gred 1 Kolej Sultan Abu Bakar (English College), Johor Bahru, Johor (1956); Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Kesusasteraan-Universiti Indonesia, Jakarta.
- Kerjaya politik:

Timbalan Menteri Kewangan (1973); Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (1974); Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri (1976); Menteri Penerangan (1978-1982); 1982-Digugurkan daripada Kabinet selepas Pilihan Raya 1982 dan dilantik Duta Besar (bertaraf menteri) ke Indonesia (1982-1985); - Menteri Penerangan (1987 hingga Mei 1999); Timbalan Pengerusi Barisan Nasional Johor (1988); Setiausaha Agung Umno (1988-1996); Ahli Majlis Tertinggi Umno (November 1996); Ketua Umno Bahagian Pulau (2001-2004)

- Isteri: Puan Sri Salbiah Abdul Hamid
- Anak: Nur Jazlan, Nur Jazman, Nur Jasni

tua Pergerakan Pemuda Umno pada 1976, dia tewas di tangan Syed Jaafar Albar, yang turut dikenali sebagai 'Singa Umno'.

Bagaimanapun, pelantikan Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri ketiga, diiringi kemenangan besar Barisan Nasional (BN) di Johor pada 1978, membuka laluan kepada Tok Mat untuk berkhidmat di peringkat kebangsaan dengan lebih efektif, apa lagi dilantik sebagai Menteri Penerangan.

Kedudukannya dalam kabinet terhenti seketika apabila Tun Dr Mahathir Mohamad, menjadi Perdana Menteri keempat pada 1982, yang memberikan jawatan terbabit kepada Datuk Seri Mohd Adib Adam.

Namun, Dr Mahathir tidak 'membuang' Tok Mat begitu saja, sebaliknya melantiknya sebagai Duta berstatus menteri ke Jakarta, pada 1982, sebelum dilantik semula sebagai Menteri Penerangan pada 1987.

Krisis dalaman Umno yang membuatkan parti terunggul Melayu ini berpecah pada 1987, namun Tok Mat sebagai Setiausaha Agung ketika itu bekerja keras untuk membantu Dr Mahathir memulihkan imej yang tercemar dan mendaftar semula ia sebagai Parti Umno Baru.

Dengan nombor keahlian Umno pada angka 00000003, Tok Mat melaksanakan tugas sebagai Setiausaha Agung dengan baik sehingga hampir seluruh ahli Umno yang berpecah kembali bersatu, di samping bekerja keras untuk memujuk semula bekas pemimpin Umno yang menubuhkan Parti Semangat 46 kembali ke pangkuan Umno.

Walaupun pernah terdetik di hati bahawa Dr Mahathir tidak suka kepadanya, malah hanya memilihnya semula sebagai Menteri Penerangan pada 1987 kerana Datuk Shahril Samad (Ahli Parlimen Johor Bahru) berpaling tadah, hakikatnya Tok Mat sudah melaksanakan tugas sebagai Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung dengan begitu baik.... terutama ketika parti dilanda krisis kepimpinan yang amat serius.

Di dalam bukunya *Umno: Akhirnya Sebuah Impian*, Tok Mat menulis mengenai apa yang terbuku di hati kecilnya: "Kali pertama saya dilantik ke jawatan itu (Menteri Penerangan) ialah pada tahun 1978 oleh Perdana Menteri Hussein Onn. Tetapi apabila Dr Mahathir menggantikan Tun Hussein, saya 'diturunkan' pangkat menjadi duta ke Indonesia walaupun taraf saya tetap Menteri. Ini berlaku pada tahun 1982. Hanya apabila Dr Mahathir dilanda kri-

sis politik saya dikembalikan ke jawatan Menteri Penerangan pada tahun 1987. Lebih 12 tahun saya memegang jawatan itu. Yang masih saya ingat mungkin mengangap saya bersara daripada politik pada 1999 tetapi sebenarnya saya dibuang daripada kabinet oleh Dr Mahathir."

Dr Mahathir mungkin mempunyai alasan tersendiri mengapa tidak melantik semula Tok Mat ke dalam kabinetnya pada 1999, namun Tok Mat mempunyai hak untuk berasa kecewa.

Kekecewaan itu mungkin terubat sedikit apabila Nur Jazlan meneruskan khidmatnya sebagai pemimpin politik dan Tok Mat pasti berbangga kerana mempunyai anak yang tidak gentar untuk menghadapi sebarang cabaran politik yang semakin getir hari ini.

Tok Mat banyak berjasa di dalam gelanggang politik tanah air. Dia menggunakan RTM sebagai lidah utama kerajaan untuk memulihkan imej parti pemerintah bukan saja ketika mengalami krisis kepimpinan pada 1987, malah ketika krisis perlembagaan pada 1988 dan pertengahan 1990-an membabitkan institusi beraja.

Sebagai Menteri Penerangan, Tok Mat turut mencipta rekod apabila bertugas mengenai isu disiplin artis terutama penyanyi rock dan mengarahkan mereka memotong rambut sekiranya hendak 'keluar televisyen'.

Hasilnya, semua penyanyi rock yang gila berambut panjang ketika zaman berkenaan terpaksa memotong rambut, termasuk penyanyi popular Awie dan Amy, serta kumpulan masing-masing.

Memori suka dukanya dibukukan melalui *Umno: Berakhir Sebuah Impian*, wajar menjadi tapakan setiap ahli politik dan mereka yang ingin belajar mengenai sepak terajang dunia politik.



Sewaktu menjadi Setiausaha

Agung Umno, Allahyarham memainkan peranan besar memulih dan menggerakkan semula parti walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran sepanjang tempoh berkenaan"

Datuk Abdul Ghani Othman
Menteri Besar Johor



Saya mengangap pemergiannya

sebagai kehilangan besar kepada negara kerana Allahyarham dikenali seorang yang gigih dan Setiausaha Agung Umno yang bekerja keras dalam menghadapi liku perjuangan"

Datuk Seri Mohd Ali Rustam
Ketua Menteri Melaka



Pemergian beliau ke rahmatullah

adalah satu kehilangan besar namun budi dan jasanya terus dikenang dalam sejarah negara"

Datuk Ahmad Said
Menteri Besar Terengganu



Kerajaan Sabah serta rakyat

merakamkan takziah kepada keluarga Allahyarham yang cekal memartabatkan perjuangan parti dan kerajaan demi agama, bangsa dan negara "

Datuk Seri Musa Aman
Ketua Menteri Sabah